

- (d) Gagal melaksanakan Kerja mengikut Kontrak; atau
- (e) Kecuaian berulang kali menunaikan obligasinya di bawah kontrak; atau
- (f) Enggan atau berulang kali cuai mematuhi suatu notis bertulis daripada P.P. berkaitan mana-mana kecacatan Kerja, atau peralatan dan bahan-bahan yang tidak memenuhi kehendak Kontrak; atau
- (g) Gagal mematuhi peruntukan-peruntukan klausa 47³; atau
- (h) Gagal mematuhi apa-apa terma dan peruntukan di dalam Kontrak.

12.4.2 Pegawai Yang Diberi kuasa di Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak hendaklah memberi notis bertulis kepada kontraktor dengan menyatakan tindakan kemungkiran kontraktor dengan merujuk kepada klausa/klausa-klausa yang berkaitan, dan kontraktor dikehendaki membaiki kemungkiran tersebut dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan notis kemungkiran atau sebarang tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya kontraktor gagal membaiki kemungkiran dalam tempoh yang ditetapkan, Pegawai tersebut berhak menamatkan kontrak dengan memberi notis secara bertulis.

12.4.3 Kaedah Penyampaian Notis hendaklah melalui:

- (a) Dengan tangan atau perkhidmatan kiriman cepat (*courier*) dan satu resit pemakluman hendaklah diperolehi
- (b) Meninggalkan notis di pejabat berdaftar atau pejabat tapak kontraktor di mana ia hendaklah disifatkan telah dihantar sewajarnya sebagaimana yang dijadualkan.
- (c) Dengan pos berdaftar dimana ia hendaklah disifatkan telah diterima dalam tempoh tujuh hari dari tarikh kiriman.

³ P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Sub-Contract Or Assignment